

**TEKS UCAPAN**  
**LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**REKTOR KUKUM**  
**BERSEMPENA DENGAN PROGRAM ENGINEERING & TECHNICAL EXPOSURE**  
**2006**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Dato' Salleh B. Mohd. Husein, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Jabatan Sekolah), Kementerian Pelajaran Malaysia,

Yang Berusaha Puan Azizah Othman, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki,

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal Timbalan Rektor KUKUM (Penyelidikan Dan Inovasi)

Yang Berusaha En. Emi Izhanizam Azmi, Penyelaras Program Engitex 2006,

Dekan-Dekan , Penolong-penolong pengetua SMK Aminuddin Baki,  
Pensyarah-pensyarah KUKUM, barisan urusetia yang menjayakan Program Engitex 2006 dan para pelajar yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT yang Maha Pemurah kerana memanjangkan usia, mengurniakan kesempurnaan akal, menganugerahkan kesihatan jasad dan memberikan keupayaan hingga membolehkan kita semua berhimpun dan bertemu dalam majlis pada pagi ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Yang Berbahagia Dato' Salleh B. Mohd. Husein, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Adalah

menjadi harapan saya agar pertemuan pada pagi ini akan merintis kepada suatu perhubungan yang lebih erat di masa akan datang.

Jutaan terima kasih, syabas dan tahniah diucapkan kepada ahli jawatankuasa iaitu Anjung KUKUM kerana telah bekerja keras dan bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis pada pagi ini. Pengorbanan dan usaha gigih anda semua amat saya hargai.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

KUKUM telah ditubuhkan sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam yang ke-17 setelah ia diluluskan oleh kabinet pada 25 Julai 2001. Penubuhan KUKUM bertujuan untuk melahirkan jurutera berkemahiran tinggi bagi memenuhi pelan perindustrian negara selain memberi alternatif kepada pelajar yang cenderung kepada pembelajaran secara praktikal. KUKUM beroperasi di serata lokasi di negeri Perlis ini. Konsep kampus yang bersifat bertaburan atau 'distributed campus' ini mungkin masih baru di Malaysia tetapi ia telah lama dipraktikkan di universiti terkenal luar negara seperti di Universiti Cambridge, England. Konsep sebegini memberi kelebihan kepada para pelajar untuk lebih berinteraksi dengan penduduk setempat selain mendedahkan mereka kepada persekitaran dan isu-isu domestik dan juga memberi impak kepada pembangunan sosioekonomi penduduk setempat.

Pembelajaran yang dilaksanakan di KUKUM adalah secara 'lab intensive' yang memberi lebih penekanan kepada amali dan kursus-kursus yang ditawarkan menyatukan teori dan amali mengikut keperluan industri. Pelajar KUKUM telah dibiasakan dengan segala peralatan seperti mana yang terdapat di industri sejak tahun pertama pengajian lagi. KUKUM turut membekalkan para pelajarnya dengan kemahiran pengurusan, perakaunan, keusahawanan, kemahiran berkomunikasi,

kokurikulum dan pembangunan sahsiah. Maka tidak dapat tidak, keunikan sistem pembelajaran yang dijalankan di universiti ini yang menggunakan sistem 'fachhochshule' dari Jerman bukan sahaja mampu menghasilkan kualiti graduan yang tinggi malah memenuhi keperluan serta pasaran gunatenaga pekerja berkemahiran tinggi di industri.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Saban hari kita melihat bangunan pencakar langit seperti Menara Berkembar, Menara Kuala Lumpur. Adakah kita tertanya siapakah yang bersusah payah mendirikan bangunan ini. Adakah kontraktor? buruh yang bekerja di tengah panas dan kadangkala bermandikan air hujan? Jawapan kepada persoalan-persoalan ini adalah merujuk kepada individu yang bernama jurutera. Kerjaya sebagai jurutera penting dan besar kepada kemajuan negara. Tanpa jurutera, siapakah yang akan merancang dan mereka bentuk projek-projek seperti pengairan, jalan raya, jambatan, perlombongan, jana kuasa dan kilang? Malah tugas mereka meliputi kajian dan pembangunan, pembinaan, penyenggaraan dan pengawalan, pengeluaran, perundingan, pengurusan serta latihan.

Justeru dengan bertemakan "Ke Arah Pembinaan & Pemajuan Jurutera Era Mellenia", maka KUKUM sekali lagi mengorak langkah ke hadapan dengan menganjurkan Program Engineering & Technical Exposure (ENGITEX 2006) yang telah dirangka khas bagi mencapai sasaran "satu jurutera, satu keluarga" menjelang tahun 2020. Program ini juga dirangka bagi memupuk kesedaran dikalangan para pelajar khususnya di sekolah-sekolah menengah di sekitar Kuala Lumpur untuk menjadi bidang kejuruteraan sebagai pilihan utama di universiti sekaligus menjadikan jurutera sebagai suatu prospek kerjaya pada masa akan datang.

Jadi besarlah harapan saya kepada para pelajar sekalian, agar memilih bidang kejuruteraan apabila tamat pelajaran di sekolah menengah kelak kerana jurutera adalah individu penting dan menjadi sebahagian daripada pembangunan negara ini. Akhir kata saya menyeru kepada semua pelajar agar mengambil peluang yang ada ini untuk memantapkan lagi ilmu, meningkatkan pengetahuan yang sedia ada dan menjadi penyuntik semangat pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

